



SIARAN MEDIA

HARI HABITAT SEDUNIA 2025: MALAYSIA TEGUH MENANGANI KRISIS BANDAR SECARA MAMPAN

CYBERJAYA, 7 Oktober 2025 - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) telah **menyempurnakan Majlis Sambutan Hari Habitat Sedunia (SHHS) Peringkat Malaysia Tahun 2025** yang berlangsung di Semarak Hall, Cyberjaya pada pagi ini.

YB KM selaku **Presiden Perhimpunan UN-Habitat** berkata, Malaysia menzahirkan iltizam untuk memperkasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta memperluas kerjasama serantau dan global dalam membentuk bandar yang mampan dan sejahtera, memastikan tiada komuniti yang terpinggir daripada pembangunan mampan.

"Perancangan bandar yang inklusif, selamat dan berdaya tahan tidak boleh kekal sebagai wacana, ia mesti diterjemahkan kepada tindakan bersepadu yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, PBT, sektor swasta dan komuniti," beliau berkata demikian pada ketika berucap pada Majlis Sambutan Hari Habitat Sedunia (SHHS) Peringkat Malaysia 2025 di Semarak Hall, Cyberjaya, pagi ini.

Majlis sambutan dua hari itu yang bertemakan **"Urban Crisis Response"** turut menampilkan pelbagai program seperti Urban Resilience Clinic, Pocket Talk bersama agensi penyelamat, serta pertandingan kreatif komuniti yang melibatkan pelajar dan masyarakat setempat.

Kemuncak acara menyaksikan simbolik penyerahan **Aku Janji Bomba Komuniti** oleh **Pasukan Bomba Komuniti Residensi Port Dickson** kepada YB KM, menzahirkan tekad rakyat sebagai barisan pertahanan pertama dalam menghadapi krisis bandar.

Selain itu, penerima **Anugerah Malaysia Scroll of Honour Award 2025** turut diumumkan bagi mengiktiraf organisasi, pemimpin dan komuniti yang menunjukkan kecemerlangan dalam usaha menangani krisis bandar.

"Kita tidak hanya mahukan bandar yang hanya maju secara fizikal, malah suatu bandar yang berjiwa rakyat, inklusif, mampan serta berdaya tahan," tegas beliau

Majlis turut dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi KPKT, Datuk-datuk Bandar, wakil kedutaan asing, Ketua-Ketua Jabatan, Bahagian dan Agensi di bawah KPKT, wakil-wakil kementerian serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 / Faks : 03-8891 5557 / E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

